# Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis

*Roshidah Hassan*
roshidah@um.edu.my
*Universiti Malaya*

## ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kajian dijalankan di *Institut National des Langues et Civilisations Orientales (INA LCO)*, Paris. Subjek kajian terdiri daripada 19 pelajar Program Sarjana Muda Bahasa Indonesia/Malaysia, Jabatan Asia Tenggara dan Asia Pasifik (*Centre du Asie du Sud-est et Pacifique),* INALCO. Kajian ini bertujuan untuk memahami dan menghuraikan apakah gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang diadaptasi dari soal selidik Wang (2015) dan dianalisis menggunakan statistik mudah yang melihat kekerapan dan peratusan gaya dan strategi yang digunakan oleh pelajar. Analisis gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran BM dibuat mengikut 4 kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur mengikut kerangka Christison (2003). Strategi pembelajaran pula dianalisis berdasarkan kerangka teoretikal Oxford (1990) yang membahagikan strategi kepada 6 kategori utama iaitu strategi ingatan, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif dan sosial. Soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik merangkumi semua kategori strategi pembelajaran tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Perancis gemar mengamalkan gaya pembelajaran bersifat visual, global, *field-dependent* dan reflektif serta cenderung menggunakan strategi ingatan, metakognitif, afektif dan sosial dalam pembelajaran bahasa mereka.

**Kata kunci:** gaya pembelajaran; strategi pembelajaran; pemerolehan bahasa; bahasa Melayu; Perancis

# Malay Language Learning Styles and Strategies among French Students

## ABSTRACT

This paper discusses the learning styles and strategies used by the French students in the Malay language learning. The study was conducted at the National Institute for Oriental Languages and Civilisations (INALCO), Paris. Subjects of the study consist of 19 students of the Indonesian/Malaysian Language Bachelor Degree Programme, Department of South-East Asia and Asia Pacific (Centre du Asie du Sud-est et Pacifique), INALCO. The study aims at understanding and describing what are the learning styles and strategies used by the students in their language learning. Data were collected through a questionnaire adopted from Wang (2015) and were analyzed using simple statistic which looks at the frequency and percentage of the styles and strategies used by the students. Analysis of learning styles applied by the student in their Malay language learning was done according to the 4 language skills which are reading, writing, listening and speaking based on Christison's (2003) theoretical framework. Analysis for the learning strategies were done based on the Oxford's (1990) theoretical framework which divides strategies into 6 main categories; memory, cognitive, compensation, metacognitive, affective and social strategies. Questions related to strategies

used by the students cover all these categories. Findings show that most of the French students prefer employing visual, global, field-dependent and reflective learning styles and tend to use memory, metacognitive, affective and social strategies in their language learning.

**Keywords:** learning style; learning strategy; language acquisition; Malay; French

## PENDAHULUAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar asing di luar negara. Di Perancis, salah sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal yang terletak di Paris, iaitu *Institut National des Langues et Civilisations Orientales* (INALCO) juga turut menawarkan pengajian bahasa Melayu (BM) yang diletakkan di bawah Program Pengajian Bahasa Indonesia/Malaysia. (Dalam kajian ini istilah bahasa Melayu akan digunakan bagi merujuk bahasa Indonesia dan bahasa Malaysia). Program ini dijalankan di bawah Jabatan Bahasa Asia Tenggara dan Pasifik, INALCO. Pelajar-pelajar didedahkan kepada BM variasi Indonesia selama empat (4) semester pertama. Pada semester kelima dan keenam, pelajar didedahkan pula dengan BM variasi Malaysia.

INALCO merupakan sebuah institusi pengajian bahasa, budaya dan peradaban antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1669. Hari ini, INALCO menawarkan lebih kurang 93 buah bahasa yang merangkumi pengajian bahasa-bahasa Asia, Afrika, Eropah, Amerika dan Kepulauan Oseanik kepada lebih 9000 pelajar. Program-program yang ditawarkan di INALCO bukan sahaja mendedahkan pelajar dengan pengetahuan bahasa tetapi juga budaya, sejarah, geografi, ekonomi dan politik negara-negara yang menuturkan bahasa-bahasa tersebut. Salah satunya merupakan bahasa Indonesia/Malaysia yang diletakkan di bawah Jabatan Bahasa-bahasa Asia Tenggara dan Pasifik. Pengajian Bahasa Indonesia/Malaysia ini mula diperkenalkan di INALCO pada tahun 1841 dan terus berkembang hingga hari ini. Pada masa ini, Pengajian Bahasa Indonesia/Malaysia ditawarkan pada semua peringkat pengajian iaitu peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Pada peringkat sarjana muda, objektif yang telah ditetapkan untuk setiap program adalah mencapai kemahiran peringkat B2 mengikut Kerangka Umum Rujukan Eropah untuk Bahasa (*Common European Framework for Languages*).

INALCO sebagai salah sebuah institusi pengajian tinggi awam, mempunyai beberapa misi. Antaranya adalah;

1. untuk memastikan pembelajaran asas dan secara berterusan dalam pengajian bahasa, dan peradaban Asia, Afrika, Eropah, Oseanik dan penduduk pribumi Amerika serta pengajian berkaitan geografi, sejarah, institusi dan kehidupan politik, ekonomi dan sosial negara-negara terlibat;
2. membangunkan penyelidikan dalam pelbagai aspek terutamanya yang melibatkan negara-negara tersebut;
3. menyumbang ilmu kepada negara-negara terbabit daripada dapatan kajian yang dijalankan; dan
4. memudahkan pertukaran universiti dan jalinan kerjasama budaya antara negara-negara yang terlibat

(*dipetik dan diterjemah dari www.inalco.fr*)

## PERNYATAAN MASALAH

Mempelajari sesuatu bahasa yang berlainan rumpun dan di luar kawasan geografinya memberi cabaran yang besar kepada pelajar dan juga guru. Pelajar hanya berhubung dengan bahasa sasaran dalam konteks yang terhad iaitu hanya di dalam kelas dan bersama guru

bahasa tersebut. Pelajar mempunyai peluang yang sedikit untuk mempraktikkan bahasa sasaran dengan penutur natif bahasa tersebut. Pendedahan yang terhad kepada bahasa sasaran menjadikan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa sebagai sesuatu yang agak sukar dan boleh mempengaruhi kaedah pembelajaran bahasa tersebut.

Setiap individu mempunyai cara tersendiri yang diamalkan bagi membantu penguasaan sesuatu bahasa yang dipelajari. Cara dan kaedah yang digunakan dalam pembelajaran dinamakan sebagai gaya dan strategi pembelajaran. Gaya dan strategi pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang kadang-kadang berlaku tanpa disedari oleh indidvidu tersebut. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran tersendiri dan ini juga turut menentukan strategi pembelajaran mereka. Strategi dan gaya pembelajaran dapat membantu pelajar menguasai sesuatu bahasa dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka. Zamri, Kamiliah dan Wan Muna Ruzanna (2016) berpendapat bahawa bagi membantu memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran, adalah penting bagi pelajar mengenal pasti strategi dan gaya pembelajaran mereka.

## TINJAUAN LITERATUR

Gaya pembelajaran ialah pendekatan umum kepada pembelajaran dan bergantung kepada ciri-ciri kognitif, afektif dan perlakuan seseorang. Felder (1995) berpendapat bahawa gaya pembelajaran adalah cara bagaimana seseorang individu memperolehi, menguasai dan menyimpan maklumat. Setiap individu mempunyai sesuatu gaya pembelajaran tersendiri yang mungkin lebih dominan daripada gaya yang lain. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar dapat membantu beliau menguasai sesuatu yang dipelajari dengan lebih berkesan. Hartley (1998) melihat gaya pembelajaran sebagai cara atau kaedah semulajadi yang digemari oleh seseorang individu apabila berhadapan dengan sesuatu tugasan. Beliau berpendapat bahawa gaya pembelajaran adalah sesuatu tindakan yang bersifat otomatik yang dipilih oleh pelajar

Manakala strategi pembelajaran pula merujuk kepada kaedah atau teknik belajar yang diamalkan oleh seseorang. Terdapat beberapa kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan dalam bidang pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Oxford, 1990). Perbezaan cara pengkelasan ini dibuat ditentukan oleh beberapa faktor seperti cara pengumpulan data, kaedah analisis data dan pendekatan yang diambil oleh setiap sarjana.

Strategi pembelajaran dilihat sebagai teknik yang digunakan dalam pembelajaran bahasa untuk menyelesaikan masalah, membuat persediaan menghadapi peperiksaan atau menyelesaikan sesuatu tugasan (Wang, 2015). Hartley (1998) berpendapat bahawa strategi yang berbeza boleh dipilih oleh pelajar apabila berhadapan dengan tugasan yang berbeza. Menurutnya, strategi adalah sesuatu tindakan pilihan yang dibuat oleh pelajar.

Oxford (1992) melihat strategi pembelajaran sebagai tindakan, langkah atau teknik tertentu yang digunakan oleh pelajar bagi meningkatkan pembelajarannya sendiri. Oxford (1990) membahagikan strategi pembelajaran kepada dua kategori utama iaitu (1) strategi langsung dan, (2) strategi tidak langsung yang mana di dalamnya terdapat enam sub-kategori. Di bawah kategori strategi langsung, Oxford membahagikan tiga sub-kategori iaitu (i) strategi ingatan, (ii) strategi kognitif, (iii) strategi tampungan. Manakala strategi tidak langsung pula dibahagikan kepada tiga sub-kategori iaitu (i) strategi metakognitif, (ii) strategi afektif dan (iii) strategi sosial.

Kategori strategi pembelajaran yang dikelaskan oleh Oxford adalah seperti berikut:

1) **Strategi Langsung**
   i) Strategi Ingatan
      a. Mengaitkan dengan aktiviti mental

b. Menggunakan imej dan suara
c. Mengulangkaji
d. Menggunakan tindakan

ii) Strategi Kognitif
a. Mempraktikkan bahasa dengan bertutur dengan penutur natif
b. Membuat latihan sebutan dan penulisan
c. Mengirim dan menerima mesej
d. Mencipta struktur bahasa, menterjemah dan memindahkan bahasa

iii) Strategi Tampungan
a. Meneka dengan bijak makna sesuatu perkataan asing
b. Cuba mengatasi batasan dalam pertuturan dan penulisan dengan cara
   i. Menggunakan bahasa ibunda
   ii. Menggunakan bahasa tubuh
   iii. Mengelak dari bercakap
   iv. Memilih topik perbualan
   v. Mendapatkan bantuan orang lain
   vi. Mencipta perkataan sendiri
   vii. Menggunakan perkataan sama makna

**2) Strategi Tidak Langsung**

i) Strategi Metakognitif
a. Memberi fokus kepada proses pembelajaran
b. Merancang dan menyusun proses pembelajaran
c. Membuat penilaian kendiri

ii) Strategi Afektif
a. Mengawal keresahan
b. Memberi galakan kepada diri sendiri
c. Mengawal emosi diri

iii) Strategi Sosial
a. Bertanya soalan untuk mendapatkan penjelasan dan membetulkan kesilapan
b. Bekerjasama dengan orang lain
c. Mempunyai perasaan empati kepada orang lain

Gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran merupakan dua konsep yang berbeza, namun antara keduanya saling berkaitan. Oxford dan Nyikos (1989) percaya bahawa pelajar yang paling berjaya biasanya cenderung menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dengan bahan, tugasan, tujuan, keperluan dan peringkat pembelajaran mereka. Oxford (2003) berpendapat bahawa gaya dan strategi pembelajaran merupakan antara faktor utama yang membantu menentukan bagaimana dan sejauh mana seseorang pelajar mempelajari dan menguasai bahasa kedua atau bahasa asing. Beliau berpendapat bahawa strategi pembelajaran yang digunakan oleh seseorang pelajar sangat bergantung kepada gaya pembelajarannya.

Terdapat pelbagai kriteria yang digunakan oleh sarjana untuk membuat pembahagian gaya pembelajaran (Wong & Nunan, 2011). Willing (1994) dipetik dari Wong dan Nunan (2011), membahagikan gaya pembelajaran kepada empat kategori iaitu; (1) gaya komunikatif, (2) gaya analitikal (3) gaya berasaskan kuasa, dan (4) gaya konkrit. Christison (2003) pula membahagikannya kepada tiga kategori iaitu (1) gaya kognitif yang mana di dalamnya dipertentangkan antara gaya *field-independent (FI)* dan gaya *field-dependent (FD);* antara gaya analitikal dan gaya global; serta antara gaya reflektif dan gaya impulsif; (2) gaya sensori/deria juga mempertentangkan antara dua gaya iaitu gaya visual dan gaya audio serta

antara gaya sentuhan dan gaya tindakan; dan (3) gaya personaliti yang mempunyai toleransi kepada ambuigiti dan pertentangan antara otak kanan dan otak kiri.

Gaya *field-independent* menekankan kepentingan ketepatan struktur bahasa dan sangat analitikal tentang perincian bahasa tersebut. Individu tersebut tidak bergantung kepada maklumat dari luar konteks dan hanya menganalisis struktur bahasa secara satu persatu dan secara tersendiri. Gaya *field-dependent* pula lebih menekan kepada penggunaan unsur bahasa secara keseluruhan atau global dan individu tersebut bergantung kepada maklumat yang diperolehi dari luar konteks dan mementingkan kesinambungan teks secara keseluruhan. Gaya reflektif memberi fokus ketepatan bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud dengan tepat. Sebaliknya gaya impulsif pula tidak memberi fokus kepada ketepatan bahasa yang digunakan dan biasanya diamalkan oleh individu yang suka mengambil risiko.

Kajian yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran mula dijalankan secara giat pada awal tahun 90-an oleh sarjana-sarjana seperti Felder (1995), Oxford, Hollaway dan Horton (1992), O'Malley dan Chamot (1990), Reid (1987) dan Wallace dan Oxford (1992). Kajian dalam bidang ini dikembangkan lagi dengan melihat hubungan antara gaya pembelajaran dan strategi pembelajaran seperti kajian yang dijalankan oleh Ehrman dan Oxford (1990), Ehrman, Leaver dan Oxford (2003), Wang (2015) dan Wong dan Nunan (2011).

Gan, Humphreys dan Hamp-Lyons (2004) membandingkan strategi yang digunakan oleh pelajar China yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa asing antara pelajar yang berjaya dengan pelajar yang tidak berjaya. Mereka mendapati bahawa pelajar yang berjaya menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar yang tidak berjaya. Kajian Zamri et al. (2014) juga mendapati terdapat hubungan yang kuat antara strategi pembelajaran dan prestasi pelajar.

Oxford (2003) menegaskan bahawa gaya dan strategi pembelajaran seseorang pelajar juga mempunyai kaitan langsung dengan gaya dan strategi pengajaran dan bahan pengajaran. Gaya dan strategi pembelajaran boleh bergerak selari atau bertentangan dengan kaedah dan strategi pengajaran. Sekiranya gaya dan strategi pembelajaran bergerak selari dengan gaya dan strategi pengajaran, pelajar akan lebih berjaya dan lebih berkeyakinan dalam pembelajarannya. Sebaliknya, jika berlaku pertembungan, pelajar akan hilang keyakinan diri dan mengalami keresahan dalam pembelajarannya. Kajian oleh pengkaji-pengkaji di Malaysia seperti Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin (2010), Yong dan Vijayaletchumy (2012) dan Zamri et. al. (2016) juga melihat terdapat hubungan antara strategi pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru. Mereka melihat bahawa proses pengajaran dapat diperbaiki jika strategi pembelajaran dikenal pasti.

Kajian yang memberi fokus kepada strategi pembelajaran BM oleh pelajar asing di Malaysia telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik seperti Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin (2011), Norlidah et al. (2015) dan Yong et al. (2010). Mereka melihat strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar warganegara asing yang mempelajari BM di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian yang melibatkan pembelajaran bahasa Melayu di luar negara agak terhad. Setakat ini hanya Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016) telah mengkaji strategi pembelajaran BM dalam kalangan pelajar di luar negara iaitu di Jerman. Kajian mereka mendapati bahawa pelajar Jerman secara majoritinya menggunakan strategi pembelajaran di dalam kelas dengan memberi sepenuh perhatian terhadap kuliah yang diberikan oleh guru.

Kajian yang melibatkan strategi pembelajaran BM oleh pelajar Perancis masih belum pernah dijalankan. Pelajar-pelajar yang mempelajari BM di luar negara mungkin mempunyai gaya dan strategi pembelajaran yang berbeza dengan strategi yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari bahasa sasaran di negara penutur bahasa tersebut. Perbezaan budaya dan latar belakang juga mungkin mempengaruhi gaya dan strategi pembelajaran yang dipilih oleh

pelajar. Kajian Reid (1987) menunjukkan bahawa pelajar Korea lebih cenderung kepada gaya visual sedangkan pelajar Hispanik lebih cenderung kepada gaya auditori. Oleh yang demikian, kajian ini cuba mengisi jurang yang terdapat dalam bidang kajian gaya dan strategi pembelajaran ini.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam menguasai kemahiran bertutur, mendengar, menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.

Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan kajian berikut;

1. Apakah gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar Perancis?
2. Apakah strategi pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar Perancis?

## METODOLOGI KAJIAN

### RESPONDEN KAJIAN

Responden kajian terdiri daripada sembilan belas (19) orang pelajar Perancis yang mengambil Jurusan Pengajian Bahasa Indonesia/Malaysia di INALCO, Paris. Mereka merupakan pelajar tahun pertama, kedua dan ketiga, Sarjana Muda Pengajian Bahasa Indonesia/Malaysia. Semua responden menuturkan bahasa Perancis sebagai ibunda mereka. Memandangkan sistem persekolahan di Perancis mewajibkan semua pelajar mempelajari sekurang-kurangnya satu bahasa asing, maka kesemua responden menguasai lebih daripada dua bahasa sama ada secara lisan atau bertulis. Responden berumur antara 19 hingga 60 tahun yang terdiri daripada 4 lelaki dan 15 perempuan. Jurang umur responden agak besar kerana dalam sistem pendidikan tinggi di Perancis, tiada had umur dikenakan kepada individu yang ingin menyambung pelajaran di peringkat universiti dan peluang untuk melanjutkan pelajaran adalah terbuka kepada semua dan tiada kuota dihadkan dalam pengambilan pelajar. Majoriti responden berumur antara 19 hingga 30 tahun. Responden juga mempunyai objektif dan motivasi pembelajaran yang pelbagai, yang merangkumi mempelajari bahasa untuk tujuan ekonomi, kerjaya, mengenali budaya penutur, mencari asal usul keluarga dan juga untuk tujuan melancong.

### INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik oleh Wang (2015) yang telah diubahsuai (rujuk Lampiran 1). Soal selidik disediakan dalam bahasa Perancis dan mengandungi dua puluh soalan (rujuk terjemahan dalam Lampiran 1). Kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan oleh Oxford (1990) dan kategori gaya pembelajaran Christison (2013) digunakan sebagai panduan dalam merangka soalan-soalan soal selidik ini. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan latar belakang pelajar dan juga mengenal pasti jenis strategi pembelajaran dan gaya pembelajaran yang digunakan oleh mereka. Soalan 1 hingga 7 merupakan soalan yang berkaitan dengan latar belakang subjek iaitu jantina, umur, tahun pengajian dan bahasa yang dikuasai dan sedang dipelajari oleh pelajar. Seterusnya Soalan 8 merujuk kepada tujuan subjek mempelajari bahasa asing dan Soalan 9 untuk melihat berapa banyak masa yang diperuntukkan oleh subjek untuk membuat ulang kaji bahasa yang dipelajari.

Soalan-soalan yang berkaitan dengan strategi pembelajaran terdapat dalam Soalan 10, 11, 12, 13, 14 dan 20. Setiap soalan mempunyai objektif untuk mengenal pasti sama ada strategi pembelajaran mengikut kategori Oxford ini digunakan oleh responden atau tidak.

Soalan 10 menekankan penggunaan strategi ingatan dalam mempelajari kosa kata bahasa sasaran. Soalan 11 memberi fokus kepada penggunaan strategi tampungan, Soalan 12 menekankan strategi kognitif, Soalan 13 mengenal pasti sama ada terdapat penggunaan strategi sosial atau tidak dan seterusnya Soalan 14 dan 20 menekankan penggunaan strategi metakognitif dan afektif dalam kalangan responden.

Soalan 16 hingga 19 pula bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran mereka. Setiap soalan dalam soal selidik ini telah dibahagikan mengikut jenis kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Setiap kemahiran tersebut bertujuan mengenal pasti gaya pembelajaran tertentu, contohnya kemahiran mendengar untuk mengenal pasti gaya kategori deria manakah yang kerap diamalkan oleh responden. Kemahiran menulis memberi fokus kepada gaya kognitif *field-independent* dan *field-dependent*. Manakala untuk kemahiran membaca pula penekanan diberi kepada gaya analitikal dan gaya global sementara kemahiran bertutur pula menekankan gaya reflektif dan gaya impulsif.

## PENGUMPULAN DATA

Data dikumpul daripada 19 orang pelajar Perancis yang mengambil jurusan bahasa Indonesia/Malaysia, INALCO. Sebelum soal selidik diedarkan, pelajar dimaklumkan tujuan soal selidik. Mereka juga diberi pilihan samada untuk mengambil bahagian atau tidak. Sekiranya pelajar tidak bersetuju untuk menjadi responden kajian, mereka dibenarkan meninggalkan kelas. Responden diminta mengisi borang soal selidik yang diedarkan sebelum kelas tamat. Responden mengambil masa antara 10 hingga 15 minit untuk menjawab semua soalan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Selain daripada soal selidik, data juga diperolehi melalui temu bual secara tidak formal yang dijalankan bersama pelajar dan guru yang terlibat dengan kursus ini.

## ANALISIS DATA

Data dianalisis dengan kaedah pengiraan kekerapan dan peratusan. Kekerapan dan peratusan gaya dan strategi pembelajaran dikira untuk melihat gaya dan strategi pembelajaran yang manakah yang paling kerap dipilih oleh responden. Dalam analisis ini, peratusan mengambil kira angka bulat terhampir.

Analisis gaya pembelajaran dibahagikan kepada tiga kategori gaya mengikut kerangka Christison (2003) dan dibuat mengikut empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis. Sementara analisis strategi pembelajaran pula dibuat mengikut kerangka Oxford (1990) yang membahagikannya kepada enam sub-kategori. Dapatan dipersembahkan mengikut pembahagian sub-kategori tersebut.

## KEKANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan ke atas jumlah responden yang agak kecil dan kemungkinan tidak memberi gambaran sebenar tentang gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari BM. Namun begitu, diharapkan dapatan ini dapat sedikit sebanyak membantu guru untuk mengenal pasti kaedah dan strategi pengajaran yang boleh diguna pakai untuk mengajar bahasa kepada pelajar Perancis berdasarkan gaya dan strategi pembelajaran yang ditunjukkan oleh dapatan kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan dibahagikan kepada dua bahagian mengikut soalan kajian yang telah dinyatakan di atas.

### SOALAN 1

**Apakah gaya pembelajaran yang kerap diamalkan oleh pelajar Perancis apabila mempelajari BM?**

Gaya pembelajaran dianalisis kekerapannya berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden kepada Soalan 16, 17, 18 dan 19 (rujuk Lampiran 1). Soalan-soalan tersebut bertujuan untuk mengenal pasti apakah gaya pembelajaran yang sering diamalkan oleh responden untuk melatih empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur.

### i. Kemahiran Mendengar

Kaedah atau gaya yang sering diamalkan oleh responden untuk melatih kemahiran mendengar ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada jadual tersebut, dapat dilihat bahawa 68% daripada responden melatih kemahiran mendengar dengan cara membaca transkrip sambil mendengar. Ini bermakna gaya pembelajaran mereka adalah berbentuk visual iaitu memerlukan bahan berbentuk bertulis untuk memahami dengan lebih baik. Hanya 16% yang mengamalkan gaya pembelajaran berbentuk audio. 11% tidak pasti apakah bentuk gaya yang diamalkan untuk melatih kemahiran mendengar dan 5% menyatakan tidak mempunyai gaya tertentu yang diamalkan.

JADUAL 1. Cara Melatih Kemahiran Mendengar

| | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| A. Membaca transkrip rakaman sambil mendengar | 13 | 68 |
| B. Hanya mendengar | 3 | 16 |
| C. Saya tidak tahu | 2 | 11 |
| D. Tiada cara tertentu | 1 | 5 |
| Jumlah | 19 | 100 |

### ii. Kemahiran Membaca

Jadual 2 menunjukkan cara atau gaya yang diamalkan oleh responden untuk melatih kemahiran membaca dalam BM dalam kalangan pelajar Perancis. Gaya yang ditekankan dalam pilihan jawapan untuk soalan ini ialah gaya kognitif analitikal dan gaya global. Sebanyak 63% responden memilih gaya global iaitu memahami teks yang dibaca secara keseluruhannya, bukan memahami setiap patah perkataannya. Hanya 32% mengamalkan gaya analitikal iaitu cuba memahami setiap perkataan yang terdapat dalam teks yang dibaca tersebut.

JADUAL 2. Cara Melatih Kemahiran Membaca

| | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| A. Saya cuba memahami setiap perkataan dalam teks bertulis | 6 | 32 |
| B. Saya cuba memahami secara keseluruhan teks | 12 | 63 |
| C. Saya tidak tahu | 1 | 5 |
| Jumlah | 19 | 100 |

**iii. Kemahiran Bertutur**

Gaya pembelajaran untuk melatih kemahiran bertutur pula ditunjukkan dalam Jadual 3. Soalan yang berkaitan dengan gaya pembelajaran yang diamalkan untuk melatih kemahiran bertutur menekankan gaya reflektif dan gaya impulsif. Daripada jawapan yang diberikan oleh responden, sebanyak 37% memilih gaya reflektif iaitu akan bercakap hanya setelah memikirkan dengan pasti apa yang ingin dikatakan agar tidak dianggap bodoh. 32% memilih gaya impulsif iaitu berani bercakap walaupun melakukan kesilapan. Sementara 26% responden tidak pasti apakah gaya yang sering mereka amalkan untuk melatih kemahiran bertutur.

JADUAL 3. Cara Melatih Kemahiran Bertutur

| | | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| A. | Saya tidak akan bercakap dengan mudah dan hanya akan bercakap apabila pasti dapat menyatakan sesuatu yang bernas | 7 | 37 |
| B. | Saya mudah bercakap kerana idea datang dengan sendiri dan tidak takut melakukan kesilapan | 6 | 32 |
| C. | Saya tidak tahu | 5 | 26 |
| D. | Tiada cara tertentu | 1 | 5 |
| | Jumlah | 19 | 100 |

**iv. Kemahiran Menulis**

Soalan 19 mengenal pasti apakah gaya yang sering diamalkan oleh responden untuk melatih kemahiran menulis. Soalan ini menekankan gaya *field-independent* dan gaya *field-dependent*. Individu yang mengamalkan gaya *field-independent* biasanya akan memberi penekanan kepada ketepatan bahasa yang digunakan apabila menulis dalam bahasa sasaran. Gaya *field-dependent* dilihat apabila individu tersebut hanya mementingkan teks yang ditulis secara keseluruhannya bukan memberi tumpuan kepada setiap patah perkataan atau struktur ayat. Dalam Jadual 4 di bawah dapat dilihat bahawa majoriti responden (74%) mengamalkan gaya *field-dependent*. Hanya 16% mengamalkan gaya *field-independent*.

JADUAL 4. Cara Melatih Kemahiran Menulis

| | | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| A. | Saya memberi perhatian kepada ketepatan setiap perkataan dan setiap ayat | 3 | 16 |
| B. | Saya memberi perhatian kepada kesinambungan keseluruhan teks yang dihasilkan | 14 | 74 |
| C. | Saya tidak tahu | 1 | 5 |
| D. | Tiada cara tertentu | 1 | 5 |
| | Jumlah | 19 | 100 |

**SOALAN 2**

**Apakah strategi pembelajaran yang sering digunakan oleh pelajar Perancis?**

Soalan 10, 11, 12, 13, 14 dan 20 soal selidik (Lampiran 1), bertujuan untuk mengenal pasti apakah strategi yang digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran BM. Setiap soalan memberi penekanan kepada kategori-kategori strategi pembelajaran yang berbeza. Kajian ini memberi fokus kepada enam sub-kategori strategi Oxford (1990). Pengkelasan strategi yang berbeza dibuat mengikut jenis tugasan yang dilakukan oleh pelajar. Analisis data akan dipersembahkan mengikut kategori strategi tersebut.

**i. Strategi Ingatan**

Soalan 10 bertujuan untuk mengkaji strategi yang digunakan oleh responden untuk menguasai kosa kata bahasa sasaran. Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan untuk menjawab soalan ini. Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa responden menggunakan strategi ingatan untuk menguasai kosa kata bahasa sasaran. Ini dapat dilihat bahawa kaedah yang paling kerap digunakan ialah dengan cara menghafal sambil menulis perkataan tersebut dengan berulang kali iaitu 40% dan juga dengan cara menghafal secara berulang kali iaitu sebanyak 19%.

JADUAL 5. Kekerapan Kaedah Menguasai Kosa Kata

| | | **Kekerapan** | **Peratus** |
|---|---|---|---|
| A. | Menghafal dengan mengulang secara berulang kali | 5 | 19 |
| B. | Menghafal dengan cara menulis dengan banyak | 11 | 40 |
| C. | Melihat sesuatu perkataan secara kerap tanpa usaha tertentu | 5 | 19 |
| D. | Mengaitkan dengan bahasa lain | 3 | 11 |
| E. | Mempunyai kebolehan menguasai kosa kata tanpa perlu berusaha keras | 1 | 4 |
| F. | Tiada kaedah tertentu | 2 | 7 |
| | Jumlah | 27 | 100 |

**ii. Strategi Tampungan**

Soalan 11 pula bertujuan untuk melihat adakah strategi tampungan digunakan oleh responden dalam pembelajaran mereka. Strategi tampungan ialah strategi yang digunakan oleh seseorang individu untuk meneka secara bijak makna sesuatu perkataan asing. Sekiranya responden menggunakan strategi tampungan dalam menguasai kosa kata bahasa sasaran, maka mereka akan kurang bergantung kepada penggunaan kamus. Daripada data yang diperolehi, semua responden berpendapat bahawa penggunaan kamus adalah penting dalam pembelajaran bahasa asing. 74% responden menggunakan kamus sepanjang pembelajaran mereka dan 26% daripada responden berpendapat bahawa kamus hanya penting pada awal pembelajaran bahasa tetapi secara sedikit demi sedikit ditinggalkan apabila sudah menguasai bahasa tersebut. Ini bermakna 74% responden langsung tidak menggunakan strategi tampungan sepanjang pembelajaran mereka, manakala 26% mula menggunakan strategi tampungan apabila merasakan telah menguasai bahasa tersebut.

JADUAL 6. Penggunaan Kamus dalam Pembelajaran Kosa Kata

| | | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| A. | Ya | 14 | 74 |
| B. | Tidak | 0 | 0 |
| C. | Penting di awal pembelajaran | 5 | 26 |
| | Jumlah | 19 | 100 |

**iii. Strategi Kognitif**

Soalan 12 yang berkaitan dengan sumber rujukan utama dalam pembelajaran adalah bertujuan untuk melihat penggunaan strategi kognitif. Strategi ini menekankan penggunaan bahan pembelajaran dari sumber asli sebagai kaedah utama untuk menguasai bahasa sasaran. Antara kaedah yang termasuk dalam strategi ini ialah bertutur dalam bahasa sasaran dengan penutur natif, menggunakan media, internet dan bahan bacaan dalam bahasa sasaran yang terdapat dalam persekitaran mereka. Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan untuk soalan ini. Jumlah jawapan yang diberikan oleh responden adalah 62. Jadual 7 di bawah menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih pembelajaran dalam kelas

(26%) sebagai antara sumber utama pembelajaran mereka. Ini bermakna responden kurang menggunakan strategi kognitif kerana mereka bergantung sepenuhnya kepada pelajaran yang disampaikan oleh guru dan kurang menggunakan bahan-bahan yang terdapat dalam persekitaran kehidupan harian seperti bungkusan barangan dan lain-lain sebagai sumber untuk mempelajari bahasa.

JADUAL 7. Sumber Utama Pembelajaran Bahasa

| | | **Kekerapan** | **Peratus** |
|---|---|---|---|
| A. | Buku teks dalam bahasa sasaran | 9 | 14 |
| B. | Buku teks dalam bahasa Perancis | 8 | 13 |
| C. | Kelas | 16 | 26 |
| D. | Media | 11 | 18 |
| E. | Berhubung dengan penutur natif | 8 | 13 |
| F. | Internet | 5 | 8 |
| G. | Bahan-bahan yang terdapat dalam kehidupan harian seperti bungkusan barang dll. | 5 | 8 |
| | Jumlah | 62 | 100 |

## iv. Strategi Sosial

Soalan 13 pula memberi fokus kepada penggunaan strategi sosial dalam pembelajaran pelajar**.** Responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan untuk soalan ini. Jadual 8 menunjukkan kaedah yang digunakan oleh responden untuk menyatakan ketidakfahaman sesuatu yang dipelajari. Daripada 46 jawapan yang diterima, 33% memilih untuk bertanya kepada rakan sekelas apabila tidak memahami apa yang dipelajari dan 11% bertanya terus kepada guru dengan cara mencelah dan 26% pula bertanya setelah mendapat reaksi daripada guru. Jumlah keseluruhan peratus penggunaan strategi sosial ialah 70%. Pelajar yang bertanya guru secara perseorangan, menulis emel kepada guru dan mencari jawapan sendiri tidak mengamalkan strategi sosial. Ini mungkin disebabkan mereka kurang gemar bergaul dengan rakan-rakan sekelas atau malu untuk bertanya secara terus.

JADUAL 8. Kaedah Menyatakan Ketidakfahaman

| | | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| A. | Saya bertanya secara terus kepada guru | 5 | 11 |
| B. | Saya mengangkat tangan dan menunggu reaksi daripada guru | 12 | 26 |
| C. | Saya bertanya kepada guru secara perseorangan | 3 | 7 |
| D. | Saya menulis emel kepada guru | 2 | 4 |
| E. | Saya bertanya kepada rakan sekelas | 15 | 33 |
| F. | Saya mencari jawapan sendiri di internet dsb. | 8 | 17 |
| G. | Saya tidak mengambil apa-apa tindakan | 1 | 2 |
| Jumlah | | 46 | 100 |

## v. Strategi Metakognitif

Penggunaan strategi metakognitif pula ditekankan dalam Soalan 14. Strategi metakognitif adalah strategi di mana pelajar membuat perancangan kendiri tentang pembelajaran mereka sama ada dengan menetapkan objektif pembelajaran, membuat perancangan pembelajaran, menyusun aktiviti pembelajaran sendiri atau membuat penilaian kendiri. Dalam soalan ini, responden hanya boleh memilih satu jawapan sahaja. Jadual 9 menunjukan bahawa 79% atau 15 orang responden menetapkan objektif pembelajaran mereka sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang. 21% daripada responden langsung tidak menetapkan objektif pembelajaran. Ini bermakna majoriti responden menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka.

JADUAL 9. Penetapan Objektif Pembelajaran

| | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| A. Ya, objektif jangka pendek | 7 | 37 |
| B. Ya, objektif jangka panjang | 4 | 21 |
| C. Ya, objektif jangka pendek dan panjang | 4 | 21 |
| D. Tidak | 4 | 21 |
| Jumlah | 19 | 100 |

**vi. Strategi Afektif**

Penggunaan strategi afektif ini dapat dilihat dalam soalan 20. Soalan ini menekankan bagaimanakah tanggapan dan perasaan responden mengenai pencapaian pembelajaran mereka. Jadual 10 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya 68% responden berpuas hati dengan dengan pencapaian mereka dan beranggapan pembelajaran mereka sangat berjaya. Ini bermakna mereka menggunakan strategi afektif dan berjaya mengatasi keresahan dalam pembelajaran serta menunjukkan keyakinan diri yang tinggi. Hanya 32% merasa tidak berpuas hati dengan pencapaian pembelajaran mereka.

JADUAL 10. Pencapaian Pembelajaran

| | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| A. Suatu malapetaka | 0 | 0 |
| B. Suatu kegagalan | 0 | 0 |
| C. Mengecewakan | 2 | 11 |
| D. Tidak berpuas hati | 4 | 21 |
| E. Berpuas hati | 11 | 58 |
| F. Sangat berpuas hati | 1 | 5 |
| G. Sangat Berjaya | 1 | 5 |
| Jumlah | 19 | 100 |

## PERBINCANGAN

Daripada analisis yang dijalankan dapat dilihat bahawa pelajar Perancis yang mempelajari BM gemar menggunakan gaya yang bersifat visual berbanding dengan gaya audio terutama dalam melatih kemahiran mendengar. Walaupun kemahiran mendengar melibatkan audio, kebanyakan pelajar memerlukan bahan sokongan berbentuk teks bertulis bagi membantu mereka untuk memahami dengan lebih baik apa yang diperdengarkan kepada mereka. Dapatan Reid (1987) mendapati bahawa biasanya pelajar Asia lebih menggemari gaya berbentuk visual berbanding dengan pelajar Barat. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Barat juga menggemari gaya visual terutama dalam melatih kemahiran mendengar.

Dalam melatih kemahiran membaca dan menulis, dapatan analisis menunjukkan bahawa pelajar Perancis lebih menggemari gaya yang bersifat global dan *field-dependent.* Kedua-dua gaya tersebut menekankan keseluruhan sesuatu idea atau maklumat dan tidak mementingkan perincian struktur dan konsep yang terdapat dalam teks yang dibaca atau ditulis. Majoriti pelajar menyatakan bahawa adalah memadai memahami sesuatu teks bertulis secara keseluruhan atau global. Ini menunjukkan mereka berpendapat tidak perlu mengetahui setiap patah perkataan yang terdapat dalam teks tersebut. Dapatan yang sama juga ditunjukkan dalam soalan yang berkaitan dengan cara melatih kemahiran menulis. Pelajar lebih cenderung menggunakan gaya yang menunjukkan bahawa mereka mementingkan keseluruhan idea yang ingin disampaikan dalam penulisan, tanpa memberi fokus kepada ketepatan perkataan yang dipilih dan struktur ayat yang dihasilkan. Mereka lebih mementingkan konteks keseluruhan teks yang ditulis.

Analisis gaya pembelajaran yang digunakan oleh pelajar Perancis untuk melatih kemahiran bertutur pula tidak menunjukkan perbezaan yang jelas antara antara gaya reflektif dan impulsif. Dapatan menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang menggunakan gaya reflektif iaitu memastikan apa yang dituturkan adalah betul sebelum bertutur dan bilangan yang tidak takut melakukan kesilapan adalah hampir sama. Dapatan juga menunjukkan bahawa 26% pelajar tidak pasti apakah gaya yang diamalkan untuk melatih kemahiran bertutur tersebut. Ini selari dengan pendapat Hartley (1998) yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran adalah suatu perlakuan semulajadi dan otomatik yang diamalkan oleh seseorang tanpa disedari oleh individu tersebut.

Analisis strategi pembelajaran pula menunjukkan bahawa pelajar Perancis lebih cenderung menggunakan strategi ingatan, metakognitif, afektif dan sosial dalam pembelajaran mereka. Strategi ingatan digunakan terutamanya untuk mempelajari kosa kata dalam bahasa sasaran. Dapatan menunjukkan bahawa kaedah yang paling kerap digunakan untuk menguasai kosa kata adalah yang melibatkan hafalan perkataan sama ada secara mental sahaja atau pun dengan cara menghafal sambil menulis kembali perkataan tersebut secara berulang kali. Bagi pelajar yang menggunakan strategi menghafal sambil menulis kembali perkataan menunjukkan bahawa mereka mempunyai gaya pembelajaran yang bersifat visual. Ini membuktikan pendapat sarjana seperti Ehrman dan Oxford (1990), Ehrman, Leaver dan Oxford (2003), Oxford (2003), Wang (2015) dan Wong dan Dunan (2011) yang berpendapat bahawa gaya dan strategi pembelajaran adalah saling berkaitan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka kerana secara majoritinya mereka menetapkan matlamat atau objektif pembelajaran mereka sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang. Namun begitu, menurut Samuel (2015), berdasarkan pemerhatian beliau, kebanyakan pelajar sebenarnya tidak jelas atau pasti kenapa mereka mempelajari BM dan rata-rata pelajar mempelajari BM hanya sekadar untuk dapat bertutur dalam BM.

Selain daripada itu, dapatan menunjukkan bahawa pelajar juga menggunakan strategi afektif di mana sebahagian besar pelajar menyatakamereka berpuas hati dengan pencapaian mereka dalam pembelajaran bahasa sasaran. Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan berjaya mengatasi tahap keresahan mereka dalam pembelajaran. Dapatan ini pada hakikatnya juga boleh ditafsirkan bahawa pelajar yang tidak berpuas hati dengan pencapaian mereka telah menarik diri daripada kursus sebelum kajian soal selidik dijalankan, sementara pelajar yang masih meneruskan pengajian merupakan pelajar-pelajar yang berpuas hati dengan pencapaian mereka dan lebih yakin dalam pembelajaran. Situasi ini juga berkemungkinan mempunyai kaitan dengan sistem pendidikan tinggi di Perancis yang agak fleksibel dan yuran pengajian yang dikenakan sangat minimal. Disebabkan faktor ini, pelajar tidak merasa rugi untuk meninggalkan pengajian separuh jalan.

Selain daripada strategi ingatan, metakognitif dan afektif, dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar juga menggunakan strategi sosial dalam pembelajaran terutama ketika mengalami masalah dalam pembelajaran. Apabila pelajar tidak memahami sesuatu yang dipelajari, sebahagian besar pelajar mengambil tindakan bertanya, samaada kepada guru atau kepada kawan sekelas. Ini menunjukkan bahawa pelajar lebih gemar belajar bersama kawan-kawan dan bertanya kepada kawan-kawan apabila mempunyai soalan, bukan mencari jawapan kepada masalah yang dihadapi secara bersendirian. Daripada temu bual yang dijalankan bersama guru, difahamkan bahawa pelajar yang sering bertanya terus kepada guru terdiri daripada sama ada pelajar yang kurang bergaul dengan rakan sekelas yang lain atau pun pelajar yang mempunyai soalan yang sukar untuk dijawab oleh rakan sekelas.

Dapatan analisis terhadap penggunaan strategi pembelajaran juga menunjukkan bahawa pelajar Perancis bergantung kepada kamus dalam pembelajaran. Mereka tidak menggunakan strategi tampungan untuk meneka makna perkataan secara bijak pada peringkat

awal pembelajaran bahasa kerana majoriti bergantung kepada kamus untuk mengetahui makna sesuatu perkataan. Strategi tampungan hanya digunakan oleh sebilangan pelajar apabila telah menguasai bahasa yang dipelajari yakni dengan meninggalkan penggunaan kamus secara perlahan-lahan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kamus.

Akhir sekali, pelajar Perancis kurang menggunakan strategi kognitif dalam pembelajaran mereka. Strategi ini menekankan penggunaan bahan pembelajaran daripada sumber asli dalam bahasa sasaran seperti bungkusan makanan atau barangan, bahan-bahan bacaan atau media dalam bahasa sasaran dan penggunaan bahasa sasaran dengan penutur natif bahasa tersebut. Pelajar lebih bergantung kepada pelajaran yang disampaikan dalam kelas dan bahan pengajaran dalam bahasa ibunda. Keputusan yang ditunjukkan oleh data ini adalah sesuatu yang dapat dijangka kerana situasi pembelajaran BM dijalankan di luar daerah pertuturan bahasa dan secara tidak langsung pelajar mempunyai akses yang terhad kepada bahan yang berbentuk asli. Pelajar juga kurang bertemu dengan penutur asli BM disebabkan oleh kekangan jarak.

## KESIMPULAN

Secara amnya, kajian ini telah berjaya mengenal pasti gaya dan strategi pembelajaran BM oleh pelajar Perancis. Dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran yang kerap digunakan oleh pelajar Perancis dalam pembelajaran BM ialah gaya yang berbentuk visual. Keadaan ini berbeza dengan dapatan yang ditunjukkan oleh kajian Reid (1987) ke atas pelajar Asia dan Sepanyol. Dapatan beliau menunjukkan bahawa pelajar Asia lebih cenderung kepada gaya berbentuk visual sementara pelajar Sepanyol lebih menggemari gaya berbentuk audio. Selain daripada gaya pembelajaran, dapatan juga menunjukkan bahawa pelajar Perancis juga menggunakan strategi pembelajaran berbentuk visual dalam menguasai kosa kata BM. Sebahagian besar pelajar menghafal kosa kata secara berulang kali sambil menulis kembali perkataan-perkataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa gaya dan strategi pembelajaran mempunyai hubungan yang saling berkaitan seperti pendapat Ehrman dan Oxford (1990), Ehrman, Leaver dan Oxford (2003), Oxford (2003), Wang (2015) dan Wong dan Dunan (2011).

Memahami gaya dan strategi pembelajaran pelajar dapat membantu guru dalam pengajarannya. Guru boleh menjadikan gaya dan strategi pembelajaran pelajar sebagai panduan untuk memilih kaedah atau strategi pengajaran yang sesuai agar pembelajaran bahasa tersebut lebih berjaya. Selain itu, proses pembelajaran dan pengajaran sesuatu bahasa asing juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran. Sekiranya proses pembelajaran berlaku di luar daerah pertuturan bahasa tersebut, strategi yang berbeza mungkin digunakan oleh pelajar dan juga guru. Kajian ini mungkin dapat dikembangkan lagi pada masa hadapan dengan melihat hubung kait antara gaya dan strategi yang digunakan dengan pencapaian pelajar.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Profesor Jérome Samuel, Puan Suci Erina Suburi, Encik Elga Ahmad Prayoga dan pihak INALCO di atas kerjasama yang diberikan untuk menjalankan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Malaya atas tajaan yang diberikan.

## RUJUKAN

Cassidy, S. (2004). Learning Styles: An Overview of Theories, Models, and Measures, *Educational Psychology*. *24*(4), 419-444.

Che Wan Ida Rahimah Che Wan Ibrahim, Prain, V. & Collet, P. (2014). Perceived Learning Strategies of Malaysian University Students in Web 2.0-based English as a Second Language Informal Learning. *GEMA Online® Journal of Language Studies. 14*(1), 29-42.

Christison, M. A. (2003). Learning Styles and Strategies. Dlm D. Nunan (Ed.). *Practical English Language Teaching.* New York: McGraw Hill.

Ehrman, M. (1996). *Second Language Learning Difficulties: Looking Beneath the Surface.* Thousand Oaks, CA: Sage.

Ehrman, M. & Oxford, R. (1990). Adult Language Learning Styles and Strategies in an Intensive Training Setting. *Modern Language Journal. 74*, 311-326.

Ehrman, M. Leaver, B., and Oxford, R., (2003). A Brief Overview of Individual Differences in Second Language Learning. *System. 31*(3), 313-330.

Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2010). Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi. Muat turun pada 30 Mei 2016, dari http://www.ukm.my/jtlhe/pdf/6%20-20Fa%E2%80%99izah%20Abd.Manan_0_1.pdf

Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2011). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Asing. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (Pnyt.). *Transformasi dan Inovasi dalam Pendidikan* (hlm. 399-418). Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Felder, R. M., (1995). Learning and Teaching Styles in Foreign and Second Language Education. *Foreign Language Annals*. *28*(1), 21-31.

Gan, Z., Humphreys, G., & Hamp-Lyons. (2004). Understanding successful and unsuccessful EFL Students in Chinese Universities. *The Modern Language Journal. 88*,229-44.

Hartley, J. (1998). *Learning and Studying: A Research Perspective*. London: Routledge.

Jafarigohar, M. & Khanjani, A. (2014). Text Difficulty Effect on Metacognitive Reading Strategy Use among EL Learners. *GEMA Online® Journal of Language Studies. 14*(1)*,* 47-59.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof dan Zamri Mahamod. (2009). Strategi Metafizik: Kesinambungan Penerokaan Domain Strategi Utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online® Journal of Language Studies. 9*(2), 1-13.

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2016). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Jerman. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. 4*(2), 10-19.

Norlidah Alias, Fuziah Rosman, Mohd. Nazri Abd. Rahman & Dorothy Dewitt. (2015). The Potential of Video Game in Malay Language Learning for Foreign Students in a Public Higher Education Institution. *Procedia - Social and Behavioral Sciences 176 (2015).* 1020–1027. Diakses pada 2 Julai 2016 dari http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815006102

O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. (1990). *Learning Strategies in Second Language Acquisition.*Cambridge: Cambridge University Press.

Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies*. New York: Newbury House.

Oxford, R. L. (Ed.). (2003). Language Learning Styles and Strategies: Concepts and Relationships. *IRAL. 41*(4), 271-278.

Oxford, R. & Nyikos, M. (1989). Variables Affecting Choice Of Language Learning Strategies By University Students. *The Modern Language Journal. 73,* 291-300.

Oxford, R. L., Hollaway, M.E. & D. Horton-Murillo. (1992). Language Learning Styles: Research and Practical Considerations for Teaching in the Multicultural Tertiary ESL/EFL Classroom. *System*. *20*(4), 439-456.

Reid, J. (1987). The Learning Style Preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly. 21*, 87-111.

Roohani, A. & Asiabani, S. (2015). Effects of Self-Regulated Strategy Development on EFL Learners' Reading Comprehension Metacognition. *GEMA Online® Journal of Language Studies. 15*(3), *31-49.*

Samuel, J. (2015). *Croiser les regards et les disciplines; Approches de la modernité en Indonésie au XXe siècle*. Kertas kerja yang tidak diterbitkan. Paris: INALCO.

Samuel, J. & Wardhany, S. (2015). 2ed. *Manuel d'indonésien; L'indonésie au quotidien (Vol. 1)*. Paris: L'asiathèque maison des langues du monde.

Wallace, B., and Oxford, R.L. (1992). "Disparity in Learning Styles and Teaching Styles in the ESL Classroom: Does This Mean War?" *AMTESOL Journal. 1,* 45-68

Wang, J. (2015). L'impact des stratégies et styles d'apprentissage sur le sentiment de réussite ou d'échec dans l'apprentissage de langues étrangères, *Recherche et pratiques pédagogiques en langues de spécialité* [Online], Vol. XXXIV N° 2 | 2015, diakses pada 30 Mei 2016 dari URL : http://apliut.revues.org/5223

Wong, L. L., & Nunan, D. (2011). The Learning Styles and Strategies of Effective Language Learners. *System*. *39*(2), 144-163.

Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy Subramaniam. (2012). Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing dalam Kalangan Mahasiswa Antarabangsa di IPTS Malaysia. *Jurnal Bahasa. 26*, 120-133.

Yong Chyn Chye, Siti Saniah Abu Bakar, Chan Tze-Haw & Vijayalecthumy Subramaniam. (2010). Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Instutusi Pengajian Tinggi. *Proceeding of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*. 366-378. Diakses pada 5 Jun 2016 dari http://file.upi.edu/Direktori/

Zamri Mahamod, Jamaludin Badusha, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Subramaniam, S. (2014). Penggunaan dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 4*(2), 25-35.

Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab.Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. 6*(1), 38-51.

# LAMPIRAN 1

**L'ENQUÊTE SUR L'APPRENTISSAGE DES LANGUES ÉTRANGÈRES**
**Roshidah HASSAN**

## LE QUESTIONNAIRE

Ce questionnaire a pour objectif de connaître vos motivations, stratégies et styles d'apprentissage en langue étrangère. Veuillez entourer la ou les réponses qui vous correspondent.
*Si vous souhaitez davantage d'explications sur certaines questions, je suis à votre disposition.*

**Q1.** Vous êtes : A. un homme B. une femme
**Q2.** Quel âge avez-vous ? ______________
**Q3.** Quelle formation suivez-vous à l'INALCO? ______________________________
**Q4.** En quelle année d'études êtes-vous ? ____________________

**Q5.** Quelle(s) langue(s) étrangère(s) avez-vous apprise(s) durant votre scolarité secondaire ou dans un autre cursus supérieur ?

________________________________________________________________________

**Q6.** Combien de langues parlez-vous (français compris) ? Nommez-les

________________________________________________________________________

**Q7.** Quelle(s) langue(s) apprenez-vous en ce moment ?
Plusieurs réponses possibles.

________________________________________________________________________

**Q8.** Vous apprenez les langues avant tout...
A. Pour voyager et rencontrer des gens
B. Pour des raisons personnelles (famille, conjoint(e)...)
C. Par pur intérêt intellectuel
D. Pour préparer ma vie professionnelle
E. Pour améliorer ma carrière
F. Pour vivre à l'étranger
Autre . ________________________________________________________________

**Q9.** Combien de temps consacrez-vous chaque jour aux langues étrangères ?
A. je n'ai pas le temps de travailler tous les jours
B. 10 minutes
C. 30 minutes
D. 1 heure
E. plus d'une heure

**Q10.** Comment apprenez-vous le vocabulaire dans l'apprentissage d'une langue étrangère ?
A. Je mémorise en répétant mentalement avec beaucoup d'effort
B. Je mémorise en écrivant en grande quantité
C. J'apprends grâce à la fréquence de visualisation sans effort particulier
D. J'apprends en faisant lien avec une autre langue (ex. anglais, espagnol, etc.)
E. J'ai une excellente capacité d'acquisition de vocabulaire sans besoin d'effort particulier
F. Je n'ai aucune façon particulière pour apprendre le vocabulaire
G. Autres : ____________________________________________________________

________________________________________________________________________

**Q11.** Est-ce que le dictionnaire est indispensable dans votre apprentissage de langue étrangère ?
A. Oui
B. Non
C. Indispensable au début, mais je l'abandonne au fur et à mesure de la maitrise de la langue

**Q12.** Quelles sont vos ressources principales d'apprentissage d'une langue étrangère ?
A. Manuel en langue cible
B. Manuel en français
C. Cours
D. Médias (film, télévision, radio, journaux, etc.)
E. Contacts authentiques avec les natifs (amis natifs, cafétéria, soirée étudiante, etc.)
F. Internet (MSN, forum, sites d'apprentissage, etc.)
G. Dans la vie quotidienne (ex : emballages des produits achetés, affiches publicitaires, tracts, petites annonces, etc.)
H. Autres : ______________________________________________________________

______________________________________________________________

**Q13.** Quelles sont vos façons habituelles de manifester l'incompréhension sur des contenus d'enseignement :
A. J'interromps les enseignants directement
B. Je lève la main et j'attends que les enseignants me désignent
C. Je demande aux enseignants individuellement après le cours
D. J'envoie un mail aux enseignants
E. Je demande à des camarades
F. Je trouve la réponse ailleurs (Internet, livres, dictionnaire, etc.)
G. Je ne réagis pas
H. Si vous n'avez pas les mêmes comportements avec tous les enseignants, expliquez pourquoi

______________________________________________________________

______________________________________________________________

**Q14.** Est-ce que vous vous donnez des objectifs dans l'apprentissage ?
A. Oui, à court terme
B. Oui, à long terme
C. Oui, à long et à court terme
D. Non

**Q15.** Si oui, est-ce que vous pouvez atteindre ces objectifs ?
A. Oui
B. Non
Commentaires : ______________________________________________________________

______________________________________________________________

**Q16.** Quelle est votre façon préférée dans l'entraînement de la compréhension orale ?
A. Quand j'écoute un enregistrement, je préfère lire en même temps un support écrit qui se rapporte à ce que j'écoute
B. Il me suffit d'entendre un enregistrement
C. Je ne sais pas
D. Sans préférence

**Q17.** Quelle est votre façon préférée dans l'entraînement de la compréhension écrite ?
A. Je cherche à comprendre chaque mot dans un texte écrit
B. J'essaie de comprendre globalement un texte écrit
C. Je ne sais pas
D. Sans préférence

**Q18.** Quelle est votre façon préférée dans l'entraînement de l'expression orale ?
A. Je ne prends pas la parole facilement et je dois être sûr de dire quelque chose d'intelligent quand je parle
B. Je prends la parole facilement, les idées viennent en parlant et je n'ai pas peur de faire des erreurs
C. Je ne sais pas
D. Sans préférence

**Q19.** Quelle est votre façon préférée dans l'entraînement de l'expression écrite ?
A. J'accorde plus d'attention à la justesse/correction de chaque mot et chaque phrase
B. J'accorde plus d'attention à la cohérence de l'ensemble du texte produit
C. Je ne sais pas
D. Sans préférence

**Q20.** Vous pensez que votre apprentissage d'une langue étrangère est souvent :
A. Une catastrophe
B. Un échec
C. Décevant
D. Pas satisfaisant
E. Satisfaisant
F. Très satisfaisant
G. Une vraie réussite
Commentaires : ____________________________________________________________
______________________________________________________________________________

Ce questionnaire est adapté de Jinjing WANG https://apliut.revues.org/5223

**MERCI D'AVOIR RÉPONDU À CE QUESTIONNAIRE**

Terjemahan

# Kajian Pembelajaran Bahasa Asing

**Roshidah HASSAN**

**Soal Selidik**

Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui motivasi, strategi dan gaya pembelajaran bahasa asing. Sila jawab atau tandakan jawapan yang sesuai dengan anda.

*Jika anda perlukan penerangan lanjut tentang soalan tertentu, anda boleh bertanya kepada penyelidik.*

**Q1.** Jantina : A. lelaki B. perempuan
**Q2.** Berapa umur anda ? ______________
**Q3.** Kursus yang diambil di INALCO? ______________________________
**Q4.** Tahun pengajian ? ______________________

**Q5.** Bahasabahasa yang dipelajari semasa di sekolah?
________________________________________________________________________________

**Q6** Berapa bahasa yang dikuasai ? Namakan
________________________________________________________________________________

**Q7.** Bahasa apakah yang sedang dipelajari ?
________________________________________________________________________________

**Q8.** Anda mempelajari bahasa untuk tujuan...
A. Untuk melancong dan bertemu orang lain
B. Untuk tujuan peribadi (keluarga, pasangan...)
C. Kerana minat kepada ilmu
D. Untuk persediaan kehidupan profesional
E. Untuk memperbaiki kerjaya
F. Untuk tinggal di luar negara
Lain-lain . ________________________________________________________________________________

**Q9.** Berapa banyak masa diperuntukkan setiap hari untuk belajar bahasa ?
A. Saya tidak mempunyai masa untuk belajar setiap hari
B. 10 minit
C. 30 minit
D. 1 jam
E. Lebih daripada 1 jam

**Q10.** Bagaimana anda mempelajari kosa kata bahasa asing ?
A. Saya menghafal dengan mengulang secara mental dengan bersungguh-sungguh
B. Saya menghafal dengan menulis secara berulang kali
C. Saya belajar hasil daripada melihat perkataan tersebut secara kerap tanpa usaha tertentu
D. Saya belajar dengan mengaitkannya dengan bahasa lain (contoh bahasa inggeris, sepanyol dll.)
E. Saya mempunya keupayaan untuk menguasai kosa kata tanpa perlu berusaha keras
F. Saya tidak mempunyai cara tertentu untuk mempelajari kosa kata
G. Lain-lain : ________________________________________________________________________
________________________________________________________________________________

**Q11.** Adakah kamus penting dalam pembelajaran bahasa asing?
A. Ya
B. Tidak
C. Penting pada awal pembelajaran tetapi ditinggalkan secara sedikit demi sedikit apabila telah menguasai bahasa tersebut

**Q12.** Apakah sumber utama dalam pembelajaran bahasa asing ?
A. Buku teks dalam bahasa sasaran
B. Buku teks dalama bahasa Perancis
C. Pelajaran dalam kelas
D. Media (filem, televisyen, radio, surat khabar dll.)
E. Berhubung secara autentik dengan penutur natif (kawan-kawan penutur natif, di kafeteria, majlis keramaian pelajar dll.)
F. Internet (MSN, forum, laman web, etc.)
G. Barangan dalam kehidupan harian ( pembalut barangan yang dibeli, poster publisiti,, dll.)
H. Lain-lain : ____________________________________________

**Q13.** Bagaimanakah cara yang biasa diambil untuk menunjukkan ketidakfahaman apa yang dipelajari ?
A. Bertanya dengan mencelah guru secara terus
B. Saya mengangkat tangan dan menunggu sehingga guru memberi respon
C. Saya bertanya kepada guru secara bersendirian selepas kelas
D. Saya menulis emel kepada guru
E. Saya bertanya kepada kawan-kawan sekelas
F. Saya mencari jawapan dari sumber lain seperti internet, buku , kamus dll.
G. Saya tidak mengambil sebarang tindakan
H. Lain-lain cara.

____________________________________________

____________________________________________

**Q14.** Adakah anda menetapkan objektif dalam pembelajaran anda ?
A. Ya, untuk jangka pendek
B. Ya, untuk jangka panjang
C. Ya, untuk jangka pendek dan jangka panjang
D. Tidak

**Q15.** Jika ya, adakah anda berjaya mencapai objektif tersebut ?
A. Ya
B. Tidak
Ulasan : ____________________________________________

**Q16.**Apakah cara yang anda gemar untuk melatih kemahiran mendengar ?
A. Apabila mendengar rakaman, saya gemar membaca transkrip bahan yang didengar
B. Cukup sekadar mendengar rakaman
C. Saya tidak tahu
D. Tiada cara tertentu

**Q17.** Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran membaca?
A. Saya mencuba untuk memahami setiap patah perkataan dalam teks
B. Saya cuba untuk memahami secara keseluruhan teks
C. Saya tidak tahu
D. Tiada cara tertentu

**Q18.** Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran bertutur ?
A. Saya tidak akan bercakap dengan mudah dan saya hanya akan bercakap apabila benar-benar pasti apa yang akan diucapkan itu bernas
B. Saya mudah bercakap kerana idea datang dengan sendiri dan tidak takut melakukan kesilapan
C. Saya tidak tahu
D. Tiada cara tertentu

ISSN: 1675-8021

**Q19.** Apakah cara yang digemari untuk melatih kemahiran menulis?
A. Saya memberi perhatian kepda ketepatan setiap perkataan dan setiap ayat
B. Saya memberi lebih perhatian kepada kesinambungan keseluruhan teks yang dihasilkan
C. Saya tidak tahu
D. Tiada cara tertentu

**Q20.** Anda merasakan yang pembelajaran bahasa anda selalunya :
A. Satu malapetaka
B. Satu kegagalan
C. Mengecewakan
D. Tidak memuaskan
E. Memuaskan
F. Sangat memuaskan
G. Satu pencapaian
Ulasan : ____________________________________________________________
____________________________________________________________________________

Soala selidik ini diadaptasi dari Jinjing WANG https://apliut.revues.org/5223

**TERIMA KASIH KERANA MENJAWAB SOAL SELIDIK INI**

## PENULIS

Roshidah Hassan (PhD) ialah Pensyarah Kanan Bahasa Perancis di Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Bidang pengkhususan beliau ialah fonetik dan fonologi, pemerolehan bahasa asing dan etnolinguistik.